

### LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

<b>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Merchantrade Insure Medic (MI Medic). Pastikan juga anda membaca terma – terma dan syarat-syarat am polisi dokumen.</b>	<b>Nama Ahli Diinsuranskan:</b>  <b>Tarikh:</b> DD/MM/YYYY
--	--

#### 1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Merchantrade Insure Medic (MI Medic) ialah pelan insurans perubatan Berkelompok Tempoh Boleh Diperbaharui Tahunan (YRT), yang membayar balik perbelanjaan perubatan untuk pelarian yang berdaftar sekiranya Ahli Diinsuranskan dimasukkan ke mana-mana hospital kerajaan Malaysia akibat kemalangan atau penyakit setakat Had Tahunan sehingga berumur 66 tahun (umur pada hari lahir terakhir).

Produk ini terhad kepada pelarian yang berdaftar dengan kad Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR), yang merupakan pelanggan Merchantrade Asia Sdn. Bhd. (MTA).

Ia juga akan diperbaharui secara automatik mengikut MCIS Insurance Berhad (MCIS Life).

#### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Pelan ini melindungi:

BUTIRAN MANFAAT-MANFAAT	Ringgit Malaysia (RM)
<b>Had</b>	
Had Tahunan	<b>6,000</b>
<b>Manfaat-manfaat Hospital dan Pembedahan</b>	
Bilik dan Penempatan Hospital (Had sehari, sehingga tiga puluh (30) hari bagi setiap Tahun Sijil)	
Unit Rawatan Rapi (terhad sehingga lima belas (15) hari bagi setiap Tahun Sijil)	
Peralatan dan Perkhidmatan Hospital	
Yuran Pembedahan (tidak termasuk pemindahan organ)	
Dewan Pembedahan	
Yuran Pakar Bius	
Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (sehingga tiga puluh (30) hari bagi setiap Tahun Sijil)	
Pembedahan Penjagaan Harian	
Yuran Ambulans	
Cukai yang Berkenaan (Untuk peralatan dan perkhidmatan yang dikenakan cukai, sekiranya ada)	
Yuran Kemasukan ke Hospital dan Yuran Laporan Perubatan	
<b>Manfaat Rawatan Pesakit Luar</b>	
Rawatan Kanser Pesakit Luar	
Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	

Seperti yang dicaj selaras dengan caj-caj yang konsisten dengan Bilik & Penempatan Kelas ketiga (ke-3), di Hospital Kerajaan Malaysia yang Tidak-Diperbadankan yang mematuhi caj-caj yang dinyatakan di bawah Akta Yuran (1951), Arahan Yuran (Perubatan) 1982.

Seperti yang Dicaj, tertakluk kepada Bayaran yang Berpatut dan Lazim

#### Nota:

Pelan ini boleh diperbaharui, sehingga Ahli Diinsuranskan berumur 65 tahun (umur pada hari lahir terakhir) dan perlindungan akan tamat pada tarikh ulang tahun sijil selepas Ahli Diinsuranskan mencapai umur 66 (umur pada hari lahir terakhir).

### 3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Berdasarkan kaedah kekerapan bayaran pilihan anda, premium yang perlu anda bayar adalah seperti berikut:

Kekerapan Bayaran	Premium (RM)
Bulanan	20
Tahunan	240

Nota-nota:

- Jika anda membeli untuk diri anda, hanya kaedah tahunan sahaja dibenarkan. Jika anda membeli untuk keluarga (satu Ahli Utama dengan lebih daripada satu Ahli Diinsuranskan), kaedah bulanan dibenarkan.
- Amaun premium adalah sama untuk semua umur dan jantina. Amaun premium tidak dijamin dan kami berhak untuk menyemak semula premium yang perlu dibayar dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari. Sebarang perubahan premium akan berkuat kuasa pada tarikh Ulangtahun Sijil yang seterusnya.
- Pelan ini perlu dibayar sehingga Ulangtahun Sijil apabila Ahli Diinsuranskan mencapai umur 66 tahun (umur pada hari lahir terakhir).

### 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

10% daripada premium yang dikumpulkan akan dibayar sebagai komisen kepada MTA.

### 5. Apakah antara terma dan syarat penting yang perlu saya ketahui?

- **Kepentingan Pendedahan** – Anda perlu mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan yang diminta di dalam Borang Cadangan dan nyatakan umur anda dengan betul.
- **Tempoh bertenang** – Anda boleh membatalkan perlindungan insurans anda dengan menghubungi Khidmat Pelanggan Merchantrade atau melalui sebarang kaedah komunikasi rasmi dalam tempoh lima belas (15) hari selepas penerimaan. Premium yang telah dibayar oleh anda akan dibayar balik kepada anda.
- **Tempoh tangguh** - Anda diberikan tiga puluh (30) hari dari tarikh bayaran premium. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, sijil akan luput.
- **Bilangan Maksimum Sijil** – Hanya satu sijil sahaja dibenarkan bagi setiap hayat sebagai Ahli Diinsuranskan, dan permohonan akan ditolak jika Ahli Diinsuranskan cuba membeli lebih daripada satu sijil.
- **Cukai** – Sebarang cukai yang dikenakan (sama ada sedang berkuat kuasa atau dilaksanakan kemudian) pada kadar semasa seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa akan dipinda atau dicajkan apabila perlu.
- **Penamaan** – Anda dinasihatkan untuk menamakan seorang penama atau penama-penama untuk pelan ini dan memastikan penama-penama anda menyedari tentang pelan insurans yang telah anda beli. Sekiranya terdapat sebarang tuntutan dan ahli yang diinsuranskan telah meninggal dunia, tuntutan akan dibayar kepada penama.
- **Syarat pengeluaran produk** – MCIS Life berhak untuk membatalkan polisi induk dan sijil insurans secara menyeluruh sekiranya MCIS Life membuat keputusan untuk menamatkan produk insurans dengan memberi notis awal secara bertulis 30 hari kepada anda dan pemilik polisi induk. Polisi induk dan sijil insurans, tertakluk kepada bayaran premium, akan terus berkuat kuasa sehingga tarikh premium perlu dibayar seterusnya selepas tempoh notis.
- **Pembaharuan** – Pembaharuan Sijil adalah tidak dijamin. Syarikat boleh;
  - (a) memperbaharui Sijil selagi Premium dibayar oleh Ahli Utama; atau
  - (b) tidak memperbaharui Sijil dengan memberi notis awal tiga puluh (30) hari kepada Ahli Utama sebelum Ulangtahun Sijil.
- **Tuntutan** – Jika berlaku kejadian yang menyebabkan tuntutan dibuat, dokumen-dokumen berikut perlu diserahkan kepada MTA melalui cawangan atau wakilnya:
  - Serahkan Borang Tuntutan yang telah dilengkapkan.
  - Dokumen-dokumen lain yang mungkin diperlukan mengikut keperluan.
 Tuntutan akan dinilai oleh Syarikat dan dimaklumkan kepada Ahli Utama dalam tempoh 14 hari bekerja. Untuk menyemak status tuntutan, sila hubungi MTA:

- E-mel : MI\_enquiries@mtradeasia.com
- Talian Utama : 1300-88-8606 [Isnin hingga Jumaat – 9:00am hingga 5:30pm (Kecuali cuti umum)]
- **Tempoh Menunggu** – Produk ini tertakluk kepada Tempoh Menunggu berikut:
  - (a) Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam masa tiga puluh (30) hari pertama Tempoh Menunggu dari Tarikh Sijil dikeluarkan kecuali untuk Kecederaan disebabkan oleh Kemalangan; atau
  - (b) Penyakit Yang Ditetapkan yang berlaku dalam masa satu ratus dua puluh (120) hari pertama Tempoh Menunggu dari Tarikh Sijil Dikeluarkan.
- **Aktiviti Haram atau Disekat** – Jika anda atau mana-mana individu yang dikaitkan dengan pelan ini terlibat dalam sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATPUAA) atau Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, MCIS Life berhak untuk menolak permohonan pelan ini atau menahan atau menamatkan urusan perniagaan termasuk pembayaran tuntutan di bawah pelan ini jika dianggap sesuai dan wajar. MCIS Life tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang mungkin atau sebenar yang timbul daripada atau berkaitan dengan sebarang langkah yang diambil mengenainya.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen polisi induk untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini.

#### **6. Apakah pengecualian utama di bawah produk ini?**

Pelan ini tidak melindungi sebarang kemasukan ke hospital, pembedahan atau caj yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu (1) keadaan berikut:-

- (a) Penyakit sedia ada;
- (b) Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam masa tiga puluh (30) hari pertama Tempoh Menunggu dari Tarikh Sijil Dikeluarkan kecuali untuk Kecederaan akibat Kemalangan;
- (c) Penyakit Yang Ditetapkan yang berlaku dalam masa satu ratus dua puluh (120) hari pertama Tempoh Menunggu dari Tarikh Sijil Dikeluarkan;
- (d) Sebarang penyakit berjangkit yang perlu dikuarantin mengikut undang-undang;
- (e) Pembedahan plastik/kosmetik, berkhatan, pemeriksaan mata, cermin mata, kanta dan pembiasan atau pembedahan pembetulan rabun dekat dan rabun jauh (Keratotomi Radial atau Lasik) dan penggunaan atau perolehan peralatan luaran atau peranti pembetulan seperti anggota tubuh palsu, alat bantuan pendengaran dan preskripsinya;
- (f) Sebarang rawatan Pesakit Luar yang tidak berkaitan dengan rawatan Pesakit Dalam, kecuali sebagaimana yang dinyatakan di bawah Sijil;
- (g) Bayaran yang tidak Berpatutan dan Lazim, atau sebarang pembedahan atau rawatan yang tidak Perlu dari segi Perubatan, atau caj yang melebihi Bayaran yang Berpatutan dan Lazim, atau caj yang ditanggung ketika kemasukan ke hospital, Sebelum Kemasukan ke hospital dan/atau Selepas Keluar Hospital selepas Tarikh Tamat Sijil; atau
- (h) Sebarang kemasukan ke hospital, caj, sebarang pembedahan dan/atau rawatan yang tidak diterima daripada Hospital Kerajaan Malaysia.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk dokumen polisi induk untuk senarai lengkap pengecualian di bawah pelan ini.

#### **7. Bolehkah saya membatalkan perlindungan insurans saya?**

Anda boleh membatalkan perlindungan insurans anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada MTA selepas Tempoh Bertenang. Pembatalan akan berkuat kuasa pada tarikh premium perlu dibayar seterusnya. Pelan ini tidak mempunyai nilai serahan. Oleh itu, MCIS Life tidak akan membayar sebarang aman serahan apabila anda membatalkan atau menyerahkan sijil ini sebelum matang.

Head Office: Postal Office:  
Wisma MCIS, Jalan Barat, P.O. Box 345, Jalan Sultan,  
46200 Petaling Jaya, 46916 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia Malaysia

T +603 7652 3388  
F +603 7957 1562  
E customerservice@mcis.my  
W www.mcis.my

**8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat hubungan saya / penama saya?**  
Adalah penting untuk anda / penama anda memaklumkan kepada kami atau MTA mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda /penama anda tepat pada masanya.

**9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk risalah Insuranceinfo berkaitan Insurans Perubatan dan Kesihatan yang diterbitkan oleh Persatuan Insurans Hayat Malaysia di laman sesawang [www.liam.org.my/customer\\_zone](http://www.liam.org.my/customer_zone).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

MCIS Insurance Berhad (435318-U)

Ibu Pejabat: Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor

Alamat Surat-menyurat: Peti Surat 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor

Pusat Perkhidmatan Pelanggan: 03-7652 3388

E-mel: [customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my)

Laman web: [www.mcis.my](http://www.mcis.my)

**Pengedar:**

Merchantrade Asia Sdn. Bhd. (410591-T)

Suite 1632, Tingkat 16, Lobi 7,

Blok A, Damansara Intan,

No 1, Jalan SS20/27,

47400 Petaling Jaya,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: 03-7727 8606

Faks: 03-7727 4606

**10. Apakah pelan serupa lain yang disediakan?**

Sila rujuk kepada MTA untuk jenis pelan lain yang ditawarkan oleh MCIS Life.

**NOTA PENTING:**

**ANDA SEHARUSNYA BERPUASHATI BAHAWA PELANINI MEMENUHI KEPERLUAN PERIBADI ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANSINI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Diunderit oleh: MCIS INSURANCE BERHAD (435318-U)

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.